

EDISI TERHAD / PERCUMA

**BULANAN : EDISI OKTOBER 2023**

**PENAUNG:**  
Tuan Khairin Nazry bin Karim

**PENASIHAT:**  
Encik Khairil Akhtar bin Ghazali

**KETUA EDITOR:**  
Encik Abdul Rashid bin Omar

**REKAAN & GRAFIK:**  
Encik Wan Mohd Firdausz  
bin Wan Mohd Zahari

**SIDANG EDITORIAL:**  
UKP BPPT  
UKP BUP  
UKP BTM  
UKP RND  
PRO INSTUN

## Dari Ketua Editor

Syukur ke hadrat Ilahi, Buletin Bulan Oktober 2023 berjaya diterbitkan. Antara tujuan utama penerbitan buletin ini adalah untuk melaporkan aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan di INSTUN sepanjang bulan Oktober. Ia juga adalah sebagai satu platform saluran maklumat yang boleh dikongsikan bersama tentang informasi aktiviti yang telah dilakukan selari dengan perancangan di dalam takwim INSTUN khususnya.

Diharapkan penerbitan buletin ini akan menjadi peranggang kepada semua pegawai, khususnya penyelaras yang melaksanakan aktiviti supaya menghantar laporan aktiviti kepada Penyelaras Buletin jabatan untuk dijadikan sebagai satu penerbitan. Tahniah sekali lagi kepada sidang editor buletin INSTUN pada kali ini. Diharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

 **Encik Abdul Rashid bin Omar**  
Ketua Sekjen Perhubungan Awam INSTUN

ISSN 2600-853X



## **BALAI CERAP TAN SRI HARUSSANI: INSTUN MENJADI INSTITUSI LATIHAN AWAM (ILA) TUNGGAL MILIKI FASILITI BALAI CERAP DI MALAYSIA**



Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) merafa sembah dan menjunjung kasih di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah bercemar duli merasmikan Kompleks Institut Tanah dan Ukur Negara dan Balai Cerap Tan Sri Harussani di Tanjung Malim, Perak pada 3 Oktober 2023 (Selasa), bersamaan 17 Rabiulawal 1445H.

Majlis Perasmian Kompleks INSTUN dan Balai Cerap Tan Sri Harussani tersebut telah diadakan bersempena dengan Sambutan Jubli Perak, iaitu ulangtahun ke-25 penubuhan INSTUN.

Balai cerap yang baru siap dibina pada Julai 2023 ini dinamakan sempena Mufti Negeri Perak ke-8 iaitu Allahyarham Tan Sri Dato' Seri Dr. Haji Harussani bin Haji Zakaria setelah mengambilkira sumbangan beliau yang berkhidmat sebagai Mufti Negeri Perak dari tahun 1985 sehingga 2021.

Beliau merupakan tokoh agamawan yang disegani serta sentiasa menjadi rujukan dalam bidang pentadbiran agama Islam, pengurusan fatwa dan falak syarie.

Sejak penubuhannya pada 1 Mei 1998, INSTUN telah berkembang sebagai sebuah Institut Latihan Awam (ILA) yang disegani di Malaysia khususnya dalam bidang pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan.

YB Dato' Sri Huang Tiong Sii, Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dalam sembah ucapannya memaklumkan bahawa Balai Cerap Tan Sri Harussani yang dibina dengan kos RM7.086 juta ini merupakan sebuah balai cerap moden yang pertama di Negeri Perak. Pembinaannya juga menjadikan INSTUN sebagai ILA tunggal yang memiliki fasiliti balai cerap bertaraf dunia di Malaysia.

Majlis Perasmian Kompleks INSTUN dan Balai Cerap Tan Sri Harussani turut dihadiri oleh YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak serta dif-dif jemputan yang lain.

Semoga INSTUN akan terus menerajui aktiviti latihan dalam bidang pentadbiran tanah, ukur dan pemetaan serta teknologi maklumat yang berkaitan khususnya kepada penjawat awam di seluruh Malaysia. Kemajuan dalam bidang latihan ini akan menjadi pemacu kepada kemakmuran ekonomi negara selaras dengan nilai teras Malaysia MADANI.

# BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

BULANAN : EDISI OKTOBER 2023





# BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI OKTOBER 2023

## KURSUS DALAM TALIAN : PENGENALAN KANUN TANAH SARAWAK (CAP81)

TARIKH	:	10 Oktober 2023
TEMPAT	:	Dalam Talian
PENCERAMAH	:	Pn Norshaherma Binti Kolek
RINGKASAN PROGRAM	:	Kursus ini telah dihadiri seramai 41 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan.

Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Tanah Sarawak
- Pengenalan Kepada Tanah Adat Bumiputera Sarawak
- Isu dan Cabaran Perundangan Tanah Sarawak



## KURSUS DALAM TALIAN: PEMBANGUNAN TANAH DI BAWAH KTN BIL 2 (TLE29/23)

TARIKH	:	10-12 Oktober 2023
TEMPAT	:	Dalam Talian Zoom Meet
RINGKASAN PROGRAM	:	Kursus ini telah dihadiri seramai 79 orang pegawai dari pelbagai agensi negeri di Semenanjung Malaysia.

Objektif kursus memberi pengetahuan dan kefahaman berkaitan pembangunan tanah. Penceramah INSTUN En Abnorhady bin Abu Bakar dan En Zahar bin Sapar, dan penceramah jemputan Tn Hj Ab Aziz bin Ismail dan En Zamirzan bin Puji dari PLAN Malaysia.



# BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH



BULANAN : EDISI OKTOBER 2023



## KURSUS DALAM TALIAN : PENGURUSAN HASIL TANAH

TARIKH : 17 Oktober 2023 hingga 18 Oktober 2023  
TEMPAT : Dalam Talian  
PENCERAMAH : En Zahar Bin Sapar, Tn Hj Ab. Aziz Bin Ismail, En Zolkefli Bin Mohd Idris, Pn Norazilawati Binti Azizi  
RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 37 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Jenis-Jenis Hasil Tanah
- Tatacara Perakaunan / Jenis-Jenis Akaun Hasil / Penyata Penyesuaian
- Sistem Pungutan Hasil Tanah - Teori dan Aplikasi dan Pembayaran Hasil Secara Elektronik (E Payment) – E-Tanah & SPTB
- Semakan dan Pindaan Cukai Tanah
- Pelucutuhkan Kerana Gagal Membayar Cukai



## KURSUS PENGAMBILAN TANAH BILANGAN 2

TARIKH : 24 Oktober 2023 hingga 26 Oktober 2023  
TEMPAT : Pusat Kecemerlangan Pengurusan Tanah, INSTUN  
PENCERAMAH : En Huzaifah Bin Amnan, En Hasnan Azizul Bin Mat Isa, En Khalek Bin Saad, En Ahmad Shahrizal Bin Abdul Mumin  
RINGKASAN PROGRAM : Kursus ini telah dihadiri seramai 16 orang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai Kementerian/ Jabatan. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk berikut:

- Intisari Akta Pengambilan Tanah 1960
- Permohonan Pengambilan Tanah Di Bawah Perenggan 3(1)(A), (B) Dan (C) Sehingga Seksyen 9 APT 1960
- Notis, Siasatan Dan Perintah Pentadbir Tanah
- Prinsip Penentuan Pampasan
- Bayaran Pampasan, Rujukan Ke Mahkamah Dan Penyediaan Afidavit
- Ambil Milik, Bayaran Pampasan Tambahan Dan Caj Bayaran Lewat
- Permohonan Ukur, Bayaran Pelarasian Dan Pindaan Cukai
- Permohonan Pemberimilikan Dan Perizaban Tanah
- Pendudukan Sementara S. 57 APT 1960





# BAHAGIAN PENGURUSAN & PERUNDANGAN TANAH

BULANAN : EDISI OKTOBER 2023

## “SEMBANG TANAH 13”

TARIKH : 25 Oktober 2023

TEMPAT : Bilik Studio, Perpustakaan INSTUN

RINGKASAN PROGRAM : Sembang Tanah 13 kali ini menampilkan panel yang dihormati Encik Rosdi bin Mohd Yaacob bersama moderator Encik Huzaifah bin Amnan. Topik yang ingin dikupas adalah “Hakmilik Tamat Tempoh”. Antara soalan yang diajukan oleh moderator adalah “Apa yang terjadi setelah tanah itu tamat tempoh?”. Panel memberi penerangan bahawa tanah yang tamat tempoh akan menjadi tanah milik kerajaan.

Selain itu, soalan seterusnya berkenaan “Adakah semua hakmilik akan tamat tempoh?”. Panel menjelaskan terdapat 6 jenis hakmilik iaitu :

- I. Geran
- II. Geran Mukim
- III. Pajakan Negeri
- IV. Pajakan Mukim
- V. Hakmilik Sementara Daftar
- VI. Hakmilik Sementara Mukim

Setiap jenis geran menentukan di mana urusan berkenaan dilakukan dan tempoh pajakan mempunyai tempoh maksima iaitu 99 tahun. Hakmilik tamat tempoh adalah pajakan negeri dan pajakan mukim manakala hakmilik sementara perlu disemak sama ada bertempoh atau tidak.

Justeru itu, hakmilik yang bertempoh mestilah mempunyai tarikh daftar serta tempoh pajakan dan tarikh tamat pajakan.

Jika ingin mengetahui lebih lanjut ikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah INSTUN. Semoga perkongsian ini memberi manfaat kepada kita semua dan berjumpa lagi di Live Sembang Tanah seterusnya.



# BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

BULANAN : EDISI OKTOBER 2023



## KURSUS APLIKASI HANDHELD GPS DALAM PEMETAAN DI MALAYSIA

TARIKH : 9 Oktober 2023 / 23 Rabiulawal 1445H

### RINGKASAN PROGRAM :

Kursus telah dijalankan di bumi Sarawak bertempat di Auditorium

Tingkat 17, Bangunan Sultan Iskandar, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak. Kursus ini disertai oleh peserta dari kalangan kakitangan awam yang berkhidmat di Sarawak.

Di dalam kursus yang dijalankan ini, peserta didedahkan dengan teori dan asas kerja dalam memahami dan menggunakan aplikasi yang terdapat di dalam Handheld GPS selain berpeluang menggunakan untuk sesi praktikal yang diadakan.

Kursus ini telah dihadiri oleh Tuan Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) serta Ketua Program Kadaster Bahagian Ukur dan pemetaan. Penceramah bagi kursus ini ialah Sr Khor Yao Fa dan Sr Fazili Anuar bin Md. Yusuf. Diharapkan kursus yang dijalankan ini memberi manfaat kepada kakitangan awam di Sarawak.





### KURSUS APLIKASI HANDHELD GPS DAN PENGGUNAAN PERISIAN GIS (QGIS) DALAM PEMETAAN ANJURAN SARAWAK FORESTRY CORPORATION

TARIKH: (10 – 13 Oktober 2023/ 24 - 27 Rabiulawal 1445H)

(16 – 20 Oktober /1 – 5 Rabiulakhir 1445H)

#### RINGKASAN PROGRAM:

Kursus yang dijalankan ini telah melibatkan seramai 50 orang peserta daripada Sarawak Forestry Corporation. Kursus ini dijalankan di dua (2) tempat yang berasingan iaitu di ibu Pejabat Sarawak Forestry corporation (SFC), Kuching dan Piasau Nature Reserve, Miri.

Kursus yang berlangsung selama dua (2) minggu ini ditaja sepenuhnya oleh syarikat SFC bagi kesemua penceramah INSTUN yang dijemput. Penceramah daripada INSTUN terdiri daripada Sr Khor Yao Fa, Sr Fazili Anuar bin Md. Yusuf, Sr Norfariza binti Zainal serta Sr Khadijah binti Sahdan.

Kursus ini bertujuan memberi pendedahan dan kemahiran mengenai penggunaan Handheld GPS dalam kerja pemetaan serta mempelajari asas-asas penggunaan perisian QGIS bagi penawanan, suntingan dan pengurusan data GIS serta penyediaan peta menggunakan QGIS.

Kursus ini merangkumi pembelajaran secara teori dan praktikal. Slaid pembentangan, nota dan video kursus telah disediakan sebagai bahan pembelajaran bagi memudahkan para peserta menggunakan ketika sesi pembelajaran berlangsung.

Pihak INSTUN mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian pihak SFC menjemput dan menyediakan kemudahan kepada penceramah yang terlibat dalam kursus yang dianjurkan.



# BAHAGIAN UKUR DAN PEMETAAN

BULANAN : EDISI OKTOBER 2023



## LAWATAN ORGANISASI GENERAL AUTHORITY FOR SURVEY AND GEOSPATIAL INFORMATION (GeoSA) KINGDOM OF SAUDI ARABIA KE INSTITUT TANAH DAN UKUR NEGARA (INSTUN)

TARIKH : 24 Oktober 2023 / 9 Rabiulakhir 1445H

### RINGKASAN PROGRAM:

Lapan orang delegasi daripada GeoSA yang diketuai oleh Eng Ahmad Saleh N Alwasaidi iaitu Vice Presiden GeoSA telah berkunjung ke INSTUN dengan diiringi oleh tiga (3) orang pegawai daripada Bahagian Geospatial pertahanan, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Rombongan tiba di INSTUN pada jam 9.20 pagi dan disambut oleh YBrs. Tuan Pengarah serta Ketua-ketua Bahagian. Selesai rombongan menandatangani buku pelawat, sesi penerangan mengenai INSTUN telah diadakan di Bilik Persidangan Anjung. Mereka telah diberi taklimat penuh tentang fungsi dan peranan INSTUN sebagai Institut Latihan Awam.

Seterusnya ialah sesi lawatan ke beberapa tempat serta kemudahan INSTUN yang mana mereka berpeluang menyaksikan kursus yang sedang berjalan di Pusat Kecemerlangan Ukur Kadaster. Selain itu mereka dibawa ke Balai Cerap baharu INSTUN yang merupakan bangunan terkini dan dibina di kawasan bukit di atas tapak seluas 9621.69 meter persegi. Lawatan delegasi GeoSA diakhiri di Pusat Kalibrasi Utiliti Bawah Tanah INSTUN sebelum berangkat kembali ke Kuala Lumpur.

INSTUN berbesar hati di atas kunjungan ini dan mengucapkan terima kasih kepada pihak GeoSA dan BGSP JUPEM kerana sudi untuk datang ke INSTUN.



### KURSUS APLIKASI PERISIAN BAGI MENYOKONG EKADASTER

TARIKH : 24 – 26 Oktober 2023 / 10 – 12 Jamadilawal 1445H

#### RINGKASAN PROGRAM:

Kursus yang dijalankan ini telah disertai oleh kakitangan serta kader JUPEM serta daripada lain-lain jabatan.

Tujuan pelaksanaan kursus ini adalah sebagai memberi pendedahan selain memantapkan pengetahuan serta kemahiran tentang aplikasi perisian MAPINFO.

Kursus yang dijalankan selama tiga (3) hari ini telah disampaikan oleh

Sr Khadijah binti Sahdan iaitu penceramah dalam Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) di mana hanya melibatkan pembelajaran di dalam kelas.

Diharapkan kursus yang terakhir daripada Bahagian Ukur dan Pemetaan bagi tahun 2023 ini memberi banyak maklumat dan manfaat kepada peserta.



# BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

BULANAN : EDISI OKTOBER 2023



## KURSUS TRANSFORMASI DIGITAL (GOOGLE WORKSPACE (GWS) DAN CANVA

Tarikh : 17 – 18 Oktober 2023 ( Selasa – Rabu )

Lokasi : Hospital Tanah Merah, Kelantan

Penglibatan : 43 Orang Peserta

### Ringkasan Program :

Pada 17 dan 18 Oktober 2023, Ts. Aiesa bin Saad (Ketua Program Seksyen Latihan Aplikasi Geomatik & Perkhidmatan ICT) Bahagian Teknologi Maklumat, INSTUN telah menerima jemputan daripada Hospital Tanah Merah, Kelantan untuk berkongsi ilmu dalam Kursus Transformasi Digital (Google Workspace (GWS) dan Canva).

Pada hari pertama, peserta didedahkan dengan perisian-perisian yang terdapat di dalam Google Workspace. Penekanan diberikan terhadap keupayaan untuk berkolaborasi pada masa nyata, sesuai dengan tujuan kerajaan melaksanakan MyGovUC 2.0 - perkhidmatan dan kolaborasi bersepada yang diuruskan secara berpusat di MAMPU. Peserta turut dikongsikan dengan tips bagi memaksimalkan penggunaan MyGovUC melalui GWS ini.

Pada hari kedua, penceramah berkongsi mengenai penghasilan slaid persempahan menggunakan Canva. Peserta didedahkan dengan 'peraturan' slaid persempahan yang baik, jelajah sekitar Canva dan seterusnya menghasilkan design sendiri dalam bentuk poster dan slaid.

Seramai 43 orang peserta yang hadir terdiri daripada Pegawai Perubatan dan kakitangan sokongan Hospital Tanah Merah kelihatan amat bersemangat dan teruja mempelajari perkara-perkara baharu yang dikongsikan. Kursus berjalan dalam suasana yang sangat kondusif dan komitmen peserta amatlah tinggi. Penceramah juga amat berbesar hati kerana dua orang Timbalan Pengarah Perubatan juga turut hadir bersama.

INSTUN mengucapkan ribuan terima kasih di atas jemputan dan peluang yang telah diberikan. Semoga kerjasama ini boleh diteruskan di masa akan datang.





# BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

BULANAN : EDISI OKTOBER 2023

## BUAL BICARA: BETULKAN YANG BIASA, BIASAKAN YANG BETUL BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN PERINGKAT INSTUN 2023

Tarikh : 5 Oktober 2023

Tempat : Dewan Kuliah Utama (DKU), INSTUN

Bulan Bahasa Kebangsaan merupakan usaha kerajaan untuk menyemarakkan rasa cinta masyarakat terhadap bahasa kebangsaan. Ianya digerakkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan disambut pada bulan Oktober setiap tahun.

Objektif sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan ialah untuk memantapkan, memperkuuh dan mempamerkan jati diri bangsa Malaysia, serta menguatkan rasa megah terhadap bahasa kebangsaan iaitu Bahasa Melayu.

Justeru, Seksyen Perpustakaan dan Penerbitan, Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) mengambil inisiatif untuk menganjurkan program bual bicara: Betulkan Yang Biasa, Biasakan Yang Betul selari dengan objektif memartabatkan penggunaan Bahasa Melayu pada Sambutan Bulan Bahasa Peringkat INSTUN pada kali ini.

Program ini melibatkan seluruh warga INSTUN. Program ini telah dimulakan dengan ucapan aluan Pengarah Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN), Encik Khairin Nazry bin Karim dan diteruskan dengan resensi buku oleh Ketua Bahagian, Bahagian Pengurusan Dan Perundungan Tanah. Resensi buku yang bertajuk Ustazah Basikal menceritakan tentang pengembalaan seorang ustazah bersama suaminya yang hanya berbasikal untuk sampai ke Mekah.

Seterusnya, sesi bual bicara ini disampaikan oleh Encik Chai Loon Guan iaitu Munsyi Dewan (Bahasa), Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia. Encik Chai Loon Guan merupakan seorang pesara guru yang telah berkhidmat selama 33 tahun sebagai Guru Bahasa Melayu. Encik Chai Loon Guan banyak memberikan contoh perkataan dan ayat yang selalu digunakan tetapi sebenarnya salah dari segi tatabahasa dan penggunaan ayat. Pada penghujung program ini, sesi bergambar dan acara penyampaian cenderamata daripada INSTUN kepada Encik Chai Loon Guan telah diadakan sebagai tanda penghargaan kerana sudi hadir untuk berkongsi ilmu.





BULANAN : EDISI OKTOBER 2023

## MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN PENILAIAN LATIHAN SEKTOR TANAH DAN UKUR NEGARA (JPPLSTUN)

Tarikh : 13 Oktober 2023

Tempat : Bilik Persidangan, Anjung INSTUN

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penilaian Latihan Sektor Tanah Dan Ukur Negara (JPPLSTUN) telah diadakan pada 13 Oktober 2023 (Jumaat) di Bilik Persidangan, Anjung INSTUN. Tujuan mesyuarat ini diadakan ialah untuk membincangkan dan mengesahkan Buku Program Latihan Sektor Tanah dan Ukur Negara Tahun 2024.

Mesyuarat dimulakan dengan perutusan pengerusi daripada Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN). Seterusnya, mesyuarat diteruskan dengan pembentangan perancangan program latihan INSTUN 2024 daripada urus setia mesyuarat iaitu Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP). Setiap bahagian telah memaklumkan kepada urus setia pindaan dan penambahbaikan untuk tindakan urus setia selanjutnya.





# BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

BULANAN : EDISI OKTOBER 2023

## MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN INSTUN DAN HARI INOVASI INSTUN 2023

Tarikh : 19 Oktober 2023

Tempat : Auditorium Sri Tanjung, Majlis Daerah Tanjung Malim.

Majlis perhimpunan bulanan Institut Tanah Dan Ukur Negara (INSTUN) akan diadakan lima (5) kali setahun. Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan (BPP) telah menjadi urus setia untuk Majlis Perhimpunan Bulanan INSTUN (PBI) bilangan 4/2023. Majlis ini telah diadakan bersekali dengan Sambutan Hari Inovasi INSTUN 2023.

Majlis PBI ini telah dimulakan dengan lawatan ke sudut pameran oleh Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN di luar auditorium. Antara pengisian utama Majlis PBI adalah soft launch Majlis Penasihat Latihan INSTUN (MPLI), penyampaian hadiah pertandingan sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan INSTUN 2023 serta tayangan montaj Karnival Jubli Perak INSTUN dan Majlis Perasmian INSTUN dan Balai Cerap Tan Sri Harussani.

Seterusnya, Hari Inovasi INSTUN 2023 telah dimulakan dengan gimik perasmian oleh Tuan Khairin Nazry bin Karim, Pengarah INSTUN. Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah bagi empat (4) kategori pertandingan iaitu :


- i. Penulisan Penyelidikan;
- ii. Penulisan Artikel (Fungsional dan Generik);
- iii. Penciptaan Poster Penyelidikan/Ilmiah; dan
- iv. Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

Sebelum majlis ini berakhir, tayangan montaj Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah diadakan serta disusuli dengan pembentangan Johan Penulisan Penyelidikan, Johan Penulisan Artikel (fungsional) dan Johan Penulisan Artikel (Generik) selama 10 minit seorang. Majlis tamat selepas sesi bergambar.



# Tahukah Anda

## Dimanakah INSTUN dan Cara Memohon Kursus Online



## PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

### CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat melalui dua cara iaitu secara online melalui eSPEK (Sistem Pengurusan Kursus INSTUN) atau dengan mengisi borang permohonan kursus APD (U-04) yang boleh diperolehi dengan melayari laman web INSTUN atau di Pejabat INSTUN.

#### Pengarah

Institut Tanah dan Ukur Negara  
Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim  
Behrang Ulu, 35950 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan

Tel : +605-454 2825 Faks : 05-454 2837

Laman Web : [www.instun.gov.my](http://www.instun.gov.my)

#### Tarikh Tutup Permohonan :

Dua (2) minggu (hari bekerja) sebelum tarikh kursus dijalankan.

#### Penginapan dan Makan Minum Semasa Berkursus :

Kemudahan penginapan dan makan minum disediakan kepada semua peserta kursus yang layak.

## PERMOHONAN KURSUS ONLINE (eSPEK)

### 1 Pendaftaran Akaun Baru

- Tap url [espek.instun.gov.my](http://espek.instun.gov.my).
- Klik pada link Pertama Kali Mendaftar.
- Isi borang dan klik butang Daftar. Permohonan akan aktif setelah pengesahan dibuat oleh Pentadbir Sistem eSPEK.

### 2 Daftar Masuk Ke Sistem

- Isikan ruangan No. Kad Pengenalan dan Kata Laluan yang telah didaftarkan.
- Klik butang Log Masuk.

### 3 Lupa Kata Laluan

- Pada muka hadapan sistem klik hyperlink Lupa Kata Laluan.
- Isikan ruangan No. KP dan klik butang Hantar Kata Laluan.
- Sistem akan hantar emel yang mengandungi hyperlink untuk pengguna menukar kata laluan.

### 4 Carian Kursus

- Isikan ruangan "Nama Kursus", "Kod Kursus" atau "Tarikh Mula Kursus".
- Klik butang Cari.

### 5 Senarai Kursus

- Pada dropdown menu "Senarai" pilih Bahagian dan pilih Bulan. Sistem akan paparkan senarai kursus tahun 2020.
- Pada senarai nama kursus klik butang kanan mouse dan akan keluar butang berikut:
  - Lihat – untuk melihat maklumat terperinci kursus.
  - Mohon – untuk memohon kursus.
  - Setelah klik butang mohon, isi borang permohonan tersebut dan klik butang Hantar.

### 6 Kalendar Kursus

- Pada dropdown menu, pilih "Tahun" dan "Bahagian".  
Klik butang cari.

### 7 Status Permohonan

- Pada status permohonan, ia akan paparkan senarai kursus yang pernah dipohon oleh pengguna berserta dengan status permohonan.
- Klik pada senarai nama kursus dan akan keluar butang berikut:
  - Lihat Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
  - Kemaskini Permohonan – untuk mengemasuki maklumat di dalam borang.
  - Batal Permohonan – untuk membatalkan permohonan kursus. Butang ini hanya aktif bagi status "Dalam Proses" sahaja.

### 8 Pengesahan Kehadiran

- Pada pengesahan kehadiran, ia akan paparkan senarai kursus yang statusnya "Dipilih" sahaja.
- Klik butang kanan tetikus dan ia akan paparkan pilihan berikut:
  - Lihat Borang Permohonan – untuk melihat semula borang permohonan yang telah diisi dan boleh dikemaskini.
  - Pengesahan Kehadiran – untuk membuat pengesahan samada hadir, tidak hadir dan tidak hadir dengan pengantti.
  - Cetak Surat Tawaran – untuk mencetak surat tawaran yang telah dijana oleh penyelaras kursus.
  - Lihat Content Base Training – untuk melihat nota interaktif berkaitan kursus
- Klik pada pilihan Pengesahan Kehadiran dan borang pengesahan kehadiran akan dipaparkan. Pilih samada "Hadir", "Tidak Hadir" atau "Tidak Hadir Dengan Pengganti". Isikan butiran yang diperlukan dan klik butang simpan.

### 9 Surat Tawaran

- Klik butang kanan tetikus, ia akan paparkan butang Cetak Surat Tawaran. Surat tawaran hanya boleh dicetak sekiranya telah dijana oleh penyelaras kursus.

### 10 Kursus Semasa

- Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus semasa (kursus yang sedang diikuti pada tarikh semasa), ia akan paparkan tiga butang berikut:
  - Lihat Borang Permohonan – untuk melihat / mengemaskini borang permohonan
  - Penilaian – untuk mengisi borang penilaian kursus
  - Ujian – untuk menjawab soalan ujian yang telah dimasukkan oleh Penyelaras Kursus.

### 11 Rekod Kursus

- Menu ini akan memaparkan rekod kursus yang pernah dipohon oleh pengguna. Klik butang kanan tetikus pada senarai kursus, akan paparkan butang berikut:
  - Lihat Borang Permohonan – untuk lihat borang permohonan
  - Rekod kehadiran – untuk melihat rekod kehadiran kursus
  - Lihat Jawapan Ujian – untuk menyemak semula jawapan ujian yang telah dijawab.

### 12 Pengumuman / Berita

- Individu – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada individu
- Kursus – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada peserta - peserta bagi satu kumpulan kursus
- Umum – Pengumuman / Berita daripada pentadbir sistem kepada semua pengguna eSPEK.

### 13 Lihat Profil

- Untuk melihat / mengemaskini profil peribadi.